

Newspaper	Berita Harian
Date	17/2/2011

MEDIU bukan pusat sebarajaran Wahabi

Abdullah bidas dakwaan penulis blog

Oleh Badrul Kamal Zakaria
 bhnews@bharian.com.my

SHAH ALAM: Tun Abdullah Ahmad Badawi semalam membidas tindakan beberapa pihak terutama penulis blog yang mendakwa Universiti Antarabangsa Madinah (MEDIU) sebagai pusat penyebaran ajaran Wahabi yang ekstremis di negara ini.

Bekas Perdana Menteri berkata, tohmahan itu tidak berasas kerana institusi pengajian tinggi (IPT) terbabit bukan saja diiktiraf Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) malah turut diluluskan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Koridor Raya Multimedia (MSC).

"Ini andaian yang tidak baik kerana tuduhan sebegini jika ia tidak benar akan merugikan kita malah sehingga ke hari ini, sistem pengajaran di MEDIU terbukti berkesan dan menjadi tumpuan pelajar dari seluruh dunia.

"Saya sendiri gembira ke-

rana IPT ini membawa kaedah pengajian baru iaitu e-pembelajaran. Malah, program pembelajaran di MEDIU juga tidak terhad pada program agama tetapi turut menekankan

Ini andaian yang tidak baik kerana tuduhan sebegini jika ia tidak benar akan merugikan kita malah sehingga ke hari ini, sistem pengajaran di MEDIU terbukti berkesan dan menjadi tumpuan pelajar dari seluruh dunia"

Abdullah Ahmad Badawi
 Bekas Perdana Menteri

elemen sains dan teknologi," katanya pada sidang media selepas mengadakan lawatan ke Kampus MEDIU Shah Alam, di sini, semalam.

Abdullah berkata, beliau bangga dengan kejayaan yang dicapai MEDIU setakat ini kerana idea penubuhan universiti itu tercetus ketika beliau menjawat jawatan Perdana Menteri.

"MEDIU mempunyai potensi yang sangat besar dan saya percaya, institusi ini kelak akan menjadi sebuah pusat kecemerlangan yang terunggul di rantau ini.

"Dengan mempunyai penuntut dari pelbagai negara, ia secara tidak langsung memberi nilai tambah kepada MEDIU dan ini akan memberi kekuatan kepada MEDIU menjadi sebuah IPT terkemuka di Malaysia kelak," katanya.

Beberapa penulis blog baru ini melaporkan kononnya MEDIU menjadi pusat penyebaran ajaran Wahabi berikutan ramai pelajar IPT itu datang dari negara Asia



ABDULLAH mengadakan lawatan ke Kampus MEDIU Shah Alam, semalam.

Barat dan silibus beberapa programnya yang dilihat meragukan.

Sementara itu, Rektor MEDIU, Prof Dr Muhammad Khalifa Al Tamimi, berkata pihaknya sangat berterima kasih kepada Kerajaan Malaysia kerana banyak menghulurkan bantuan, khidmat nasihat, sokongan dan dorongan sejak penubuhan MEDIU di negara ini.

"Kami perlu berterima kasih kepada Kerajaan Malaysia kerana membantu kaih sehingga tertubuhnya MEDIU seperti yang kita lihat hari ini.

"MEDIU juga mempunyai beberapa elemen berbeza daripada universiti lain kerana di sini kami menawarkan program pengajian melalui sistem Pengajaran dan Pembelajaran Generasi Ketiga' serta sistem e-pembelajaran.

"Malah MEDIU turut melaksanakan makna 'antarabangsa' secara meluas dan terbuka apabila MEDIU sendiri merangka, menyediakan, menggunakan silibus yang setaraf universiti terkemuka lain dan tenaga pengajar juga turut diiktiraf di peringkat antarabangsa," katanya.